From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 20 February, 2022 3:11:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anugerah Kecemerlangan Menjadi Pemangkin Lebih Kompetitif Dan Berdaya Saing

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 FEBRUARI 2022 / 18 REJAB 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zulfadli Abdul Latif
Gambar oleh: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)

ANUGERAH KECEMERLANGAN MENJADI PEMANGKIN LEBIH KOMPETITIF DAN BERDAYA SAING



UUM ONLINE: Alor Setar – Seramai 70 staf Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) telah diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan SQS dan Majlis Sekalung Budi Seindah Kenangan di Hotel Raia, baru-baru ini.

Dekan SQS, Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi berkata, setiap organisasi sentiasa bersaing untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan prestasi organisasi.

Menurutnya, tanpa usaha gigih warga kerja di belakang sesebuah organisasi, sudah pasti tiada kejayaan dapat dicapai, justeru sebagai menghargai penat lelah staf yang bertungkus lumus menunjukkan prestasi

kerja yang cemerlang dan komitmen terhadap perkhidmatan bukan sahaja demi pusat pengajian, malah universiti, maka majlis ini diadakan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka.

Katanya, majlis tersebut menjadi platform kepada semua staf sama ada akademik atau pentadbiran untuk lebih berjaya maju dan bersaing pada masa mendatang, seterusnya meletakkan SQS setaraf dengan pusat pengajian utama yang lain di UUM.

“Dalam kita meraikan staf ini, SQS juga bakal kehilangan dua butir permata yang sangat penting dalam menaikkan nama SQS sehingga ke tahap sekarang iaitu Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya dan Prof. Dr. Maznah Mat Kasim yang akan bersara wajib pada bulan April dan Mei depan.

“Saya dan seluruh warga SQS berdoa dan berharap agar kedua mereka dikurniakan kesihatan yang baik seterusnya berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi kelak,” katanya.

Sebanyak sembilan Anugerah Kecemerlangan SQS diberikan kepada staf yang layak mengikut penilaian dan kriteria yang telah digariskan iaitu Anugerah Staf Kehadiran Terbaik (Pentadbiran), Anugerah Staf Pentadbiran Terbaik SQS, Anugerah Staf Akademik SQS Terbaik (Khidmat Masyarakat & Komuniti), Anugerah Staf Akademik SQS Terbaik (Inovasi & Pengkomersialan), Anugerah Staf Akademik SQS Terbaik (Pengajaran), Anugerah Penulis Terbaik SQS, Anugerah Penyelidik Terbaik SQS, Anugerah Ahli Akademik Harapan SQS dan Anugerah Tokoh Akademik SQS.

Selain itu, tiga anugerah popular SQS berdasarkan undian tertinggi yang telah dijalankan melalui Kelab Kebajikan iaitu Anugerah Staf Dedikasi & Proaktif, Anugerah Staf Ceria & Bergaya dan Anugerah Staf Paling Popular & Sempoi.

Majlis dengan kerjasama Kelab Kebajikan SQS itu juga turut menganjurkan pertandingan mencipta logo Kelab Kebajikan dan Pertandingan *‘10000 Steps Challenge’.*

Sementara itu, penerima anugerah Staf Pentadbiran Terbaik SQS, Rafidah Mohamad Rafiak berkata, dia berterima kasih kepada SQS di atas pengiktirafan itu dan berharap anugerah tersebut mampu menjadi pemangkin kepadanya dan juga rakan-rakan lain untuk lebih berjaya pada masa hadapan.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM)

immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.